

ANCAMAN KEPADA REKOD KEWANGAN (BAHAGIAN KE 6)**Oleh: Ahmad Azman Mohamad Ramli**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU

ahmadazman@uitm.edu.my

Pada keluaran yang lepas, artikel ini telah membincang dua jenis ancaman yang boleh membahayakan rekod kewangan yang dimiliki oleh para usahawan. Ancaman-ancaman tersebut ialah makhluk perosak dan manusia. Pada keluaran kali ini, artikel ini akan menyambung perbincangan tersebut dengan memberi tumpuan kepada dua jenis ancaman iaitu asid dan dakwat.

Ancaman daripada asid

Kertas dihasilkan dengan cara memproses bahan-bahan mentah bersama dengan bahan-bahan kimia. Bahan-bahan mentah tersebut ialah bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan seperti kayu, *rags*, *straw*, *bagasse*, *esparto* atau *grass*. Bahan-bahan kimia yang digunakan pula seperti soda, *sulfur*, *alum*, *rosins* dan sebagainya. Semasa proses penghasilan kertas ini, asid akan terhasil. Sekiranya kandungan asid terlalu banyak di dalam kertas, ia boleh mengurangkan kualiti kertas dan seterusnya merosakkan rekod kewangan jenis kertas. Asid ini juga boleh menyerap ke dalam kertas semasa kertas tersebut digunakan dan disimpan oleh usahawan. Asid ini berpunca daripada habuk, minyak dan sumber pencemaran alam yang terdapat dalam tempat penyimpanan rekod. Gambarajah 1 menunjukkan gambar rekod kertas yang musnah disebabkan oleh asid.



Gambarajah 1: Rekod kertas yang rosak disebabkan asid

Usaha perlu dilakukan untuk mengelakkan rekod kewangan kertas rosak disebabkan asid. Contoh usaha tersebut ialah rekod kewangan kertas hendaklah disimpan di tempat yang bersih daripada kekotoran seperti habuk serta bebas daripada pencemaran alam seperti asap kilang. Rekod kewangan kertas juga perlu disimpan di dalam bekas penyimpanan rekod yang diperbuat daripada bahan bebas asid seperti dalam kotak bebas asid. Bagi rekod kewangan kertas yang telah rosak disebabkan oleh asid, rekod tersebut perlu dihantar segera kepada ahli pemuliharaan (*conservator*) untuk diawet atau diperbaiki. Tujuannya bagi mengelakkan rekod tersebut rosak bertambah teruk serta bagi membolehkan rekod tersebut dapat terus digunakan.

Ancaman daripada dakwat

Salah satu komponen utama rekod kewangan jenis kertas adalah dakwat. Hal ini kerana dakwat digunakan untuk menulis rekod. Namun, setengah-setengah dakwat yang digunakan mempunyai kualiti asid yang banyak serta boleh merosakkan kertas dan melunturkan warnanya. Mana-mana rekod kewangan yang telah rosak disebabkan oleh dakwat, rekod tersebut perlu dihantar segera kepada ahli pemuliharaan (*conservator*) untuk diawet atau diperbaiki.



Gambarajah 2: Rekod kertas rosak disebabkan dakwat

(Akan bersambung di keluaran hadapan)

Salah satu komponen utama rekod kewangan jenis kertas adalah dakwat.

*Hal ini kerana dakwat digunakan untuk menulis rekod. Namun, setengah-setengah dakwat yang digunakan mempunyai kualiti asid yang banyak serta boleh merosakkan kertas dan melunturkan warnanya. Mana-mana rekod kewangan yang telah rosak disebabkan oleh dakwat, rekod tersebut perlu dihantar segera kepada ahli pemuliharaan (*conservator*) untuk diawet atau diperbaiki*

Kertas dihasilkan dengan cara memproses bahan-bahan mentah bersama dengan bahan-bahan kimia. Bahan-bahan mentah tersebut ialah bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan seperti kayu, rags, straw, bagasse, esparto atau grass.